# MASALAH
# EMOSI & TINGKAH LAKU BERCORAK AKTIF DAN AGRESIF

## Ciri-ciri Masalah Emosi & Tingkah Laku Agresif

1. **Kesukaran menguruskan emosi**
- Tidak dapat mengawal kemarahannya dan kekecewaan.
- Kekecewaan dalam cara yang sesuai dengan usia, dia dapat mempunyai masalah emosi yang mendasar

2. **Tingkah laku kurang tumpuan**
- Mudah terganggu dengan rangsangan luar
- Sukar mendengar dan mematuhi arahan
- Sukar memberi tumpuan dan perhatian
- Sukar mengekalkan tumpuan dan melaksanakan tugasan
- Kemahiranbelajar yang lemah

3. **Tingkah laku yang mengganggu (disruptif)**
- Hiperaktif – Kelakuan atau bertingkah laku yang tersangat agresif
- Kelakuan nakal – suka menggangu kawan-kawan, membuli atau menyakat kawan-kawan sekelas.
- Bising – menganggu ketenteraman bilik darjah, banyak bercakap.
- Bergerak sesuka hati – suka keluar masuk kelas tanpa kebenaran, berjalan-jalan di dalam kelas semasa sesi pembelajaran berlaku, melakukan aktiviti yang disukai bila-bila masa.

## Faktor Tingkah Laku Agresif

1. **Faktor genetik**
- Mengalami masalah berkaitan saraf otak iaitu kecacatan bahagian otak yang dipanggil prefrontal cortex.
- Ketidakseimbangan bahan kimia dalam otak yang dipanggil neurotransmitter
- kecelaruan rembesan hormon

2. **Faktor keluarga**
- Pengaruh yang kuat oleh aktiviti salah laku ibu bapa mereka sendiri
- Mempunyai ibu bapa yang bermasalah dalam penggunaan dadah dan heroin
- Ibu bapa yang tidak mengamalkan gaya keibubapaan yang sesuai

3. **Faktor psikososial**
- Penghargaan kendiri (self-esteem),kawalan kendiri, kesedaran kendiri dan keyakinan diri yang lemah
- Tertekan dan tidak dapat berfikir secara positif
- Gagal mengawal fikiran

4. **Faktor persekitaran**
- Terdedah engan persekitaran yang kurang sihat seperti merempit, berjudi, pergaulan bebas, alkohol, salah guna dadah
- Dikelilingi dengan persekitaran yang bermasalah seperti penceraian ibu bapa, kematian ibu tau bapa, pengangguran dan ketiadaan tempat tinggal yang selesa.

## DEFINISI

- **Menurut Garry Martin dan Joseph Pear (2003), tingkah laku juga merangkumi aktiviti, aksi, prestasi, bertindakbalas, tindakan, dan reaksi dari segi teknik, aktiviti yang melibatkan otot-otot, kelenjar (glandular) dan aktiviti elektrik oleh setiap organ. Pada dasarnya tingkah laku adalah apa sahaja yang diperkatakan atau dilakukan oleh individu**
- **Menurut Robert H Woody di dalam bukunya berjudul ' The School and the Behaviour Problem Child ' menyatakan semua tingkah laku di sekolah dapat diperlihatkan dalam berbagai bentuk dan ragam. Kanak-kanak tidak dapat menyesuaikan diri mereka dengan keadaan dan suasana pembelajaran. Keadaan begini selalu menjejaskan pelajaran dan keupayaan mereka untuk belajar dan berhubung dengan orang lain.**

## KAEDAH PENCEGAHAN

1. **Latihan Kemahiran Keibubapaan**
- Ibu Bapa boleh mengaplikasikan Latihan dan Teknik yang dipelajari dalam menguruskan tingkah laku anak-anak.
- Membantu ibu bapa mengembangkan cara untuk memahami dan membimbing tingkah laku anak mereka.

2. **Diet khas bagi mengurangkan gejala**
- Mengelakkan makanan yang tinggi gula kerana ia mempengaruhi pengeluaran adrenalin yang lebih tinggi sehingga menyebabkan tingkah laku agresif.
- Menggantikan dengan karbohidrat kompleks daripada buah-buahan dan sayur-sayuran.

3. **Latihan Kemahiran Sosial**
- Mendekati orang lain dengan cara yang boleh diterima agar dapat membina satu jaringan komunikasi.
- Menjaga hubungan mata (eye contact) ketika berkomunikasi dan menimbulkan rasa empati terhadap orang lain.

## KAEDAH PEMULIHAN

1. **Strategi modifikasi tingkah laku**
- Menggunakan teknik modifikasi tingkah laku seperti ganjaran, token, pembandingan untuk mengubah atau mengurangkan kelakuan yang Tidak sesuai.
- Contoh: Good behaviour game

2. **Orientasi kognitif**
- Menggubah kemahiran kognitif dan pemikiran
- Penyalesaian masalah social
- Pengendalian perasaan marah

3. **Latihan ibu bapa**
- Latihan kemahiran ibubapa dan kaunseling keluarga secara berkumpulan

## TEKNIK PENCEGAHAN TINGKAH LAKU AGRESIF

1. **Alat pengukuran personal**
- Kaedah kedekatan fizikal (physical proximity).
  - Kaedah ini dilaksanakan dengan guru mendekati sendiri murid yang mempunyai masalah tingkah laku.
- Kaedah mobiliti fizikal (physical mobility)
  - Guru berjalan ke hadapan, ke belakang, ke tepi atau mengelilingi kelas sambil membuat pengawasan.

2. **Pencegahan**
- Teknik ini dapat mengurangkan ketegangan dan menggalakkan proses pengajaran supaya menjadi lancar.
- Melalui teknik ini iklim yang positif dan persekitaran yang terurus dapat diwujudkan.
- Antara kaedah yang boleh digunakan adalah dengan meminta murid supaya mematuhi rutin bilik darjah, membuat sistem mengutip buku serta murid menerima bentuk peraturan yang digubal.

3. **Tindakan pembetulan**
- Tindakan ini dapat dilaksanakan dengan menangani masalah secara spontan dan menghentikan dengan baik tanpa merosakkan apa-apa.
- Pengubahsuaian tingkah laku positif dan menghentikan tingkah laku negatif serta mengharmonikan iklim bilik darjah juga dapat membantu dalam melaksanakan teknik tindakan pembetulan ini.

4. **Memberi contoh dan menggalakkan ajukan**
- Memberi model tingkah laku yang dikehendaki dan memberi peneguhan positif untuk cubaan mengajuk tingkah laku itu.

5. **Latihan pemantauan diri**
- Mengajar murid menilai dan merekod tingkah laku sendiri untuk tujuan mengubah tingkah laku negatif.


1. SALIS SURAYA BINTI AZMI (141227)
2. NURUL FIKRAH BINTI AZIZ (141428)
3. NURUL HANAA' BINTI KHADRI (141297)
4. NUR SYUHADA BINTI MUSTAFFA (141427)
5. PRISCILLA ENTAYANG ANAK MARCUS (143819)
6. NURFARISHA ILLYYIN BINTI MOHD ISA (141054)